



#MajuTerusPahang

#Pahang1st

Ruj.Kami : Bil (10) dlm. UnIP (P) 2/250 Jilid 2
Tarikh : 2 Oktober 2025 bersamaan
10 Rabiulakhir 1447H

GRADUAN SESI 2025

Assalamualaikum wrt. wbh.,

Saudara/i,

JEMPUTAN KE ISTIADAT KONVOKESYEN KE-22 UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH (UnIPSA)

Semoga saudara/i berada dalam limpahan rahmat Allah dan sentiasa sihat walafiat, selamat serta dilindungi Allah SWT hendaknya.

2. Seluruh warga UnIPSA mengucapkan **TAHNIAH** kepada saudara/i yang telah berjaya menamatkan pengajian dalam bidang masing-masing. Sempena kejayaan ini, pihak UnIPSA dengan sukacitanya menjemput saudara/i dan **DUA (2) orang** ahli keluarga untuk menghadiri Istiadat Konvokesyen ke-22 UnIPSA seperti ketetapan berikut:

Tarikh/Hari : 17 November 2025 / Isnin
Masa : 12.30 tengah hari (Sidang 2)
Tempat : Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan Pahang
Pakaian : Rujuk Buku Panduan Graduan

3. Saudara/i **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri sesi **Raptai Istiadat Konvokesyen ke-22 UnIPSA** pada **16 November 2025 (Ahad)**, di **Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan**, jam **9.30 pagi**, berpakaian kemas, sopan dan menutup aurat.

4. Saudara/i dikehendaki memuat turun borang dan maklumat berkaitan dengan Istiadat Konvokesyen ke-22 melalui pautan <https://unipsas.edu.my/en/konvokesyen-ke-22-unipsas/> dan mengesahkan kehadiran di pautan <https://plu.sh/pengesahankehadirangraduan2025> **sebelum 17 Oktober 2025 (Jumaat), jam 5.00 petang**.

5. Saudara/i yang masih mempunyai tunggakan hutang dikehendaki menjelaskan hutang **sebelum atau pada 9 November 2025 (Isnin)** untuk melayakkan saudara/i bergraduat. Semakan baki hutang boleh dibuat di Pejabat Bendahari, UnIPSA atau di talian 09-553 5555.

6. Kerjasama saudara/i untuk mematuhi perkara di atas adalah sangat penting untuk memastikan kelancaran Istiadat Konvokesyen ke-22 UnIPSA. Saya mendoakan agar semuanya terus mencapai kecemerlangan dalam kehidupan di dunia dan akhirat serta bermanfaat kepada masyarakat, agama dan negara.

Sekian, Wassalam.

'TAKAMUL, TARBIAH, TAJDID'

Saya yang menjalankan amanah,

(PROFESOR DATO' DR. HAJI MOHD ZAWAVI BIN ZAINAL ABIDIN,
DSAP., SMP., AMP.)

Naib Canselor

Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah



SIRIM
CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 02742



SIRIM
CERTIFIED TO MS 1900:2014
CERT. NO.: QMI 00123